

14/01/2003

PM, majlis agama bincang (HL)

Mutazar Abd Ghani

GEORGETOWN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan mesyuarat khas

dengan semua Jabatan Agama Islam Negeri bagi membincangkan isu penyeragaman Undang-Undang Syariah yang mencetuskan pelbagai kontroversi sejak kebelakangan ini.

Pertemuan dengan Perdana Menteri itu akan diadakan dalam tempoh terdekat

ini bagi membolehkan satu kajian terperinci dijalankan segera bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata pertemuan itu diatur berikutan rungutan pelbagai pihak berhubung ketidakcekapan dan ketidakseragaman pelaksanaan beberapa perundangan syariah di negara ini.

"Kita berharap dapat menyeragamkan Undang-Undang Syariah yang ada bagi mengelak sebarang percanggahan dan kekeliruan," katanya kepada pemberita selepas meraikan kumpulan kedua 470 bakal haji dari negeri di wilayah utara yang berlepas menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, semalam.

Hamid menjelaskan mesyuarat yang bakal diadakan itu akan membuka ruang perbincangan mengenai masalah teknikal yang timbul, walaupun penyeragaman

undang-undang berkenaan sudah dipersetujui Majlis Raja-Raja.

Beliau berkata demikian ketika mengulas desakan agar kerajaan menyeragamkan segera undang-undang syariah berikutan pelbagai kontroversi

kebelakangan ini, termasuk isu poligami dan terbaru berhubung dilema seorang ibu, Siti Fauziah Abdul Rahman, 32, mengenai hak penjagaan anak perempuannya.

Siti Fauziah diberikan hak menjaga anaknya oleh Mahkamah Syariah Kuala Terengganu, tetapi Mahkamah Syariah Alor Star sebaliknya memberikan hak penjagaan itu kepada bekas suaminya.

Isu itu bertambah kusut apabila Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah di Alor Star, Sheikh Abdul Rahman Abdullah, mengaku tidak tahu mahkamah di Kuala Terengganu telah membuat keputusan berhubung hak penjagaan kanak-kanak itu.

Sebelum ini, kes ibu tunggal, Aida Melly Tan Mutalib, 36, turut mencetuskan kontroversi apabila terpaksa melalui kepayahan proses Mahkamah

Syariah selama tujuh tahun sebelum tuntutan perceraian dapat disahkan, baru-baru ini.

Malah, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, juga pernah berkata bahawa maklum balas yang diperolehi mendapati pelaksanaan sesuatu arahan Mahkamah Syariah tidak begitu diikuti pasangan yang bercerai.

Beliau memberi contoh, penghakiman terhadap tuntutan nafkah, tidak diikuti suami dan keadaan itu menyebabkan ada pihak beranggapan

cengkaman

mahkamah syariah tidak begitu berkesan, berbanding mahkamah sivil yang boleh mengeluarkan waran tangkap kepada mereka yang ingkar arahan.

Hamid yang diminta mengulas lanjut menjelaskan kini setiap negeri mempunyai Enakmen Undang-Undang Syariah masing-masing.

Beliau berkata, walaupun kerajaan berusaha menyeragamkan undang-undang syariah dan enakmen kekeluargaan Islam antara majlis agama negeri, ia masih mengalami pelbagai masalah dari aspek teknikal.

"Oleh itu, kerajaan perlu melihat pelbagai aspek dalam enakmen berkenaan. Kita serius dalam usaha untuk menyeragamkan undang-undang syariah dan disebabkan itulah kita memperkenalkan e-Syariah bagi membolehkan semua mahkamah syariah mempunyai hubungan antara satu sama lain," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya pada majlis itu Abdul Hamid mengingatkan bakal haji mengekalkan rekod baik Malaysia dalam memupuk keamanan, sepanjang berada di Tanah Suci.

Kira-kira 5,000 bakal haji dari negeri wilayah utara berlepas ke Tanah Suci menerusi 11 penerbangan dari LTABL. Kumpulan pertama seramai 464 bakal haji, berlepas Selasa lalu.